

Peluang peniaga timba ilmu

DUNGUN - Program Transformasi minda anjuran Majlis Pembangunan Wilayah Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (ECerDC) dengan kerjasama Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) memberi manfaat berganda kepada peniaga.

Seramai kira-kira 50 usahawan dan peniaga di daerah ini berpeluang mengikuti program yang memberi informasi dan pendedahan berguna tentang dunia perniagaan.

Peserta, Norhayati Mat Daham, 37, berkata, ilmu diberikan bagus untuk digunakan bagi mengembangkan perniagaan kedai makan yang diusahakan.

Menurutnya, menerusi pendedahan program itu ia membantu usahawan tempatan atau peniaga kecil lebih maju.

"Saya rasa bertuah kerana terpilih mengikutinya. Ia menambah ilmu sedia ada dan kita boleh belajar bagaimana nak uruskan perniagaan serta membuat pemasaran dengan lebih baik.

"Cara menguruskan kewangan dengan bijak juga diajar dan kita juga boleh mempelbagaikan produk jualan," katanya.

Suaminya, Syed Mohd Hisyammuddin Syed Yassin, 34, yang peserta berkata, walaupun bidang berbeza, pendedahan di-



NorHayati bersama suami dan anak mereka ketika program berkenaan.

berikan memberi matlamat baru kepadanya.

"Saya bekerja dalam bidang mekanikal tetapi menerusi program ini banyak pendedahan berguna diberikan.

"Saya juga ternak lebah kelulut dan ia memberi gambaran kepada saya untuk menambah baik apa sahaja yang dilakukan sekarang supaya dapat memajukan lagi ekonomi keluarga," katanya.